

# 5,937 bakal graduans UPM ikuti kursus

**K**URSUS Ketrampilan Graduan (Finishing School) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang bertujuan menyediakan pelajar menghadapi dunia pekerjaan mendapat sambutan memberangsangkan apabila seramai 5,937 pelajar tahun akhir mengikuti program itu yang julung kali diperkenalkan pada tahun ini.

Dalam satu kenyataan semalam, Unit Perhubungan Awam UPM berkata, seramai 4,154 pelajar tahun akhir universiti itu menghadiri kursus berkenaan pada Mac dan April lalu iaitu membabitkan 3,961 pelajar kampus Serdang serta 193 pelajar kampus Bintulu.

Sementara itu, seramai 1,783 pelajar lagi mengikutinya pada penganjuran kali kedua, September lalu, membabitkan 1,732 pelajar kampus Serdang serta 51 pelajar kampus Bintulu.

Lebih 5,000 pelajar ini menerima sijil tamat kursus masing-masing daripada Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, sempena sambutan ulang tahun pertama Pusat Kokurikulum universiti itu, baru-baru ini.

Antara maklum balas yang diterima daripada pelajar yang mengikuti kursus berkenaan adalah kursus itu amat bermanfaat kerana ia dilaksanakan secara mesra pelajar dan berjaya meningkatkan keyakinan diri untuk membuat persiapan menghadapi alam pekerjaan.

Kursus percuma itu menggunakan bahasa Inggeris.